

Sektor Swasta Jadi Pelengkap Usaha Kerajaan Dalam Pendidikan - Muhyiddin Bernama
August 11, 2014

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Sektor swasta menjadi pelengkap kepada usaha kerajaan dalam bidang pendidikan dengan menubuhkan beberapa institusi pendidikan yang menjana lebih ramai golongan profesional mahir dan separuh mahir, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata Malaysia juga telah memulakan inisiatif perkongsian awam-swasta seperti program Sekolah Amanah dan Mengajar Untuk Malaysia bagi memanfaatkan kekuatan dan kepakaran sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan bagi menyediakan lebih banyak dorongan dalam meningkatkan kualiti sekolah dan menggalakkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian pendidikan.

"Sebagai hab pendidikan di rantau ini, Malaysia bukan sahaja menarik pelajar antarabangsa tetapi juga telah menarik universiti asing ke negara kita seperti yang ditunjukkan dengan pembukaan kampus cawangan di seluruh negara.

"Selain pilihan pendidikan formal, institusi latihan awam seperti sekolah-sekolah teknikal, institut latihan perindustrian, politeknik dan pusat pembangunan kemahiran telah tumbuh bagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat dalam sektor industri," katanya.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata demikian dalam ucapan pada majlis makan malam The Edge Billion Ringgit Club (BRC) 2014 di sini malam ini.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan pengerusi eksekutif The Edge Media Group Datuk Tong Kooi Ong.

The Edge BRC ditubuhkan pada 2010 bagi mengiktiraf syarikat-syarikat tersenarai yang terbesar di Malaysia dan memberi ganjaran kepada mereka yang berada dalam kedudukan teratas dalam kategori masing-masing.

Muhyiddin berkata tenaga kerja Malaysia termasuk tenaga kerja muda, tempatan, berpendidikan dan produktif yang dapat dikekalkan dengan sokongan kerajaan yang berterusan bagi pembangunan sumber manusia.

"Selaras dengan komitmen kuat kami ke arah pendidikan, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang merupakan pelan 12 tahun bagi memastikan pertumbuhan sistem pendidikan kita seiring dengan persaingan ekonomi global.

"Dengan pendidikan sebagai keutamaan nombor satu kami, sejumlah besar peruntukan disediakan bagi meningkatkan prestasi pendidikan dan latihan kemahiran. Walaupun terdapat 20 universiti awam dan 21 universiti swasta, terdapat juga 400 kolej, politeknik

dan institut latihan perindustrian di negara ini," katanya.

Muhyiddin turut mengucapkan tahniah kepada The Edge atas inisiatif yang diambil mereka melalui Yayasan Pendidikan The Edge untuk menggalakkan celik kewangan dan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan kanak-kanak sekolah di Malaysia.

"Saya diberitahu bahawa pada tahun ini, 50 peratus daripada wang yang dikumpulkan dalam The Edge Rat Race pada Oktober akan digunakan untuk membiayai kedua-dua program di sekolah-sekolah terpilih dengan bakinya untuk disumbangkan kepada badan amal lain yang memerlukan.

"Saya berasa amat gembira apabila mendapat tahu bahawa The Edge bekerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti untuk membantu generasi pelabur akan datang melalui penubuhan kelab-kelab pelabur di kolej-kolej dan universiti dan menyediakan mereka dengan kelengkapan bagi mempelajari kemahiran untuk melabur," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1059588>